

INOVASI PENTADBIRAN ZAKAT PADA ZAMAN UMAR AL-KHATTAB

Development of Zakat Administration during Caliph Umar al-Khattab

Hamizul bin Abdul Hamid¹, Faisal @ Ahmad Faisal bin Abdul Hamid² & Adibah binti Abdul Wahab³

Abstrak

Perbincangan mengenai seseorang tokoh selalunya akan berkisar sumbangan mereka dalam bidang masing-masing. Demikian juga dengan Umar al-Khattab. Selain daripada seorang tokoh sahabat, beliau juga seorang pentadbir yang hebat. Antara buktinya, beliau telah memperkenalkan pelbagai inovasi dalam pengurusan zakat pada zaman pemerintahannya. Artikel ini akan membincangkan dua perkara, iaitu (1) Inovasi yang telah dilakukan oleh Umar al-Khattab dalam bidang pentadbiran zakat, (2) Faktor pemikiran Umar al-Khattab yang mempengaruhinya. Untuk mencapai objektif tersebut, pengkaji mengaplikasikan kaedah kualitatif sepenuhnya dengan merujuk kepada buku atau bahan-bahan bertulis yang berkaitan. Hasil kajian mendapati, Umar al-Khattab telah berjaya memperkenalkan 10 inovasi dalam pentadbiran zakat pada era pemerintahan beliau. Didapati juga, faktor pemikiran Umar al-Khattab sangat mempengaruhinya dalam melakukan inovasi berkenaan. Namun begitu, masih terdapat banyak lagi inovasi dalam pengurusan zakat yang perlu dibincangkan dengan lebih lanjut dalam penulisan yang akan datang.

Kata kunci: Zakat, Umar al-Khattab, Inovasi Zakat, Pentadbiran Zakat.

1. PENDAHULUAN

Kajian mengenai pentadbiran zakat pada zaman Umar al-Khattab (634-644 Masihi), banyak diperkatakan oleh para pengkaji tempatan dan luar negara. Pada tahun 1971, isu ini telah diperkatakan oleh Shamsul 'Ulama 'Allama Shibli Nu'mani. Beliau menyatakan bahawa, sepanjang lebih 10 tahun pemerintahan Umar al-Khattab, sejarawan mencatatkan ia sebagai permulaan era baharu dalam pembangunan pentadbiran negara Islam.⁴ Kajian oleh Dusuki Haji Ahmad pada 1982 seterusnya menegaskan, fenomena berkenaan dipengaruhi oleh perluasan wilayah kekuasaan Islam. Ia telah menjadi faktor dalam perubahan pentadbirannya, memaksa umat Islam menghadapi banyak perkara baharu dan ia turut memaksa Umar al-Khattab membentuk corak pentadbiran yang lebih meluas dan mencakupi pelbagai bidang dan kepentingan umum.⁵

¹ Calon Master Pengajian Islam, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Email: hamizul@zakatselangor.com.my.

² Pensyarah Kanan dan Penyelia Calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

³ Ketua Divisian Kajian dan Pusat Kecemerlangan, Lembaga Zakat Selangor.

⁴ Shamsul 'Ulama 'Allama Shibli Nu'mani, 1971, Omar The Great (The Second Caliph Of Islam), Lahore: Ashraf Press, h. 13.

⁵ Dusuki Haji Ahmad, Haji, 1982, Ikhtisar Perkembangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 154.

Gerhadrd Endress (1994) dalam kajian berikutnya turut mendokong dapatan kajian di atas, dengan mendapati ‘Umar al-Khattab telah berjaya menyatukan kerencaman kabilah-kabilah Arab melalui kempen ketenteraannya, lalu memperkukuhkan Islam dan menyediakannya untuk menjadi agama dunia. Empayar Sasanian (Iraq dan Iran) dan Wilayah Bizantium (Rom) yang meliputi dari Syria, Mesir dan Mesopotamia Utara⁶, termasuklah Afrika Utara, Perbatasan Negara China dan sempadan Eropah jatuh dalam kekuasaan Islam. Dapatan Hailani Muji Tahir (2007) seterusnya telah menegaskan bahawa, seiring dengan faktor perluasan pemerintahan Umar al-Khattab, ia telah menjadi penyebab bertambahnya kemasukan pelbagai kekayaan baharu negaranya.⁷

Pada tahun 2008, kajian oleh Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy et al turut membuktikan bahawa era pemerintahan Umar al-Khattab merupakan era pembukaan pelbagai wilayah baharu secara drastik malah ia sesuatu yang tidak dijangkakan. Wilayah Islam telah dibuka dengan begitu pesat.⁸ Seiringan dengan itu juga, maka Umar al-Khattab berjaya meneladani beberapa aspek pentadbiran daripada negara yang baharu dibuka itu. Misalnya dalam mewujudkan Baitul Mal ataupun Jabatan Kewangan bagi menguruskan kewangan negara secara tersusun dan sistematik, ia adalah idea yang ditiru daripada kerajaan Syria.⁹

Hal ini dibuktikan seterusnya oleh kajian Arifatul Husna (2008), bahawa Umar al-Khattab telah memperkenalkan sistem pentadbiran yang lebih baik, melaksanakan sistem delegasi kuasa, pembahagian wilayah pemerintahan, membentuk jabatan-jabatan, menyelaraskan pentadbiran pusat dan negeri, mewujudkan saluran pengaduan awam terus kepada khalifah, mendirikan baitul mal, menubuhkan jabatan polis dan juga hisbah (audit).¹⁰ Selain itu, antara hasil kekayaan yang dipungut pada era pemerintahan Umar al-Khattab ialah, jizyah, kharaj dan ‘usyur di samping zakat. Ia dibuktikan oleh kajian Faisal yang mendapati Umar al-Khattab telah mewajibkan *kharaj* (sewa tanah) dan mengambil zakat kuda yang tidak dilakukan nabi, dan mengenakan zakat dua kali ganda ke atas Nasrani Bani Taghlib, setelah mereka berkeras enggan membayar *jizyah* tetapi mahu membayar ‘zakat’.¹¹ Inilah dapat kajian yang diperolehi oleh Faisal pada tahun 2011.

Kajian Zaini Nasohah, *et al.* seterusnya pada tahun 2012, mendapati pemerintahan Umar al-Khattab telah berusaha menambah bilangan baitul mal di banyak daerah di dalam wilayah Islam yang semakin luas.¹² Dapatan ini seterusnya diperkukuhkan lagi lewat kajian Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad et, al. (2015) yang mendapati, ketika itu Umar al-Khattab turut melaksanakan kutipan zakat ‘usyur sebagai satu kaedah baru kutipan zakat.

⁶ Gerhadrd Endress, 1994, *Islam: An Historical Introduce*, (trans. Carole Hillerbrand), Ediburg: Edinburg University Press, h. 112.

⁷ Hailani Muji Tahir, *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*, Penerbit UKM, 2007, h. 15.

⁸ Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman dan Mohd Izani Mohd Zain, 2008, *Efektif Governan Dan Pelaksanaannya Dalam Pentadbiran Islam*, Jurnal Syariah, Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 465-496, h. 477.

⁹ Shamsul ‘Ulama ‘Allama Shibli Nu’mani, 1971, *Omar The Great (The Second Caliph Of Islam)*, Lahore: Ashraf Press, h. 81-82.

¹⁰ Arifatul Husna, 2008 “Kepemimpinan Khalifah Umar al-Khattab Bin Khattab (13 – 23 H/ 634 – 643 M) dan Umar al-Khattab bin Abdul Aziz (99 – 101 H/ 717 – 720 M) (Studi Komparasi)”, Skripsi yang diajukan kepada Fakultas Adab, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta, h. 3.

¹¹ Faisal, 2011, *Sejarah Pengelolaan Zakat di Dunia Muslim dan Indonesia (Pendekatan Teori Investigasi-Sejarah Charles Peirce dan Defisit Kebenaran Lieven Boeve)*, Analisis, Volume XI, Nombor 2, (Desember 2011), h. 241.

¹² Zaini Nasohah, et al, 2012, “Pelaksanaan Kuasa Pemerintah dalam Kutipan Zakat di Zaman Kegemilangan Beberapa Pemerintahan Islam”, *Proceeding: International Conference on Islamic Leadership*, h. 247.

Zakat berkenaan dikutip di pintu-pintu masuk negara Islam. Pegawai kerajaan diletakkan dan memeriksa para peniaga. Peniaga muslim wajib membayar zakat 'usyur dan nonmuslim membayar cukai 'usyur.¹³ Ia jelas memperlihatkan perkembangan dalam pentadbiran zakat pada zaman Umar al-Khattab.

Hasil kutipan zakat harta berkenaan. Menurut Anwar (2014) telah meningkatkan kualiti kehidupan umat Islam pada zaman pemerintahan Umar al-Khattab, sehingga menjadi sangat baik berbanding sebelumnya. Buktinya, Muadz bin Jabal gagal menemui walaupun seorang yang layak menerima zakat di Yaman, dan Muadz dapat mengirimkan 1/3 hasil zakat yang dipungutnya di Yaman ke Madinah.¹⁴ Dapatkan ini disambut oleh kajian mutakhir yang dilakukan oleh Jamaludin Kusnadi (2018) bahawa, perluasan wilayah Islam termasuk jatuhnya empayar Rom, telah menyebabkan berlakunya peningkatan kekayaan negara yang tidak pernah berlaku sebelumnya, baik pada zaman Nabi Muhammad SAW manu pun di zaman Abu Bakar as-Siddiq.¹⁵

Perubahan kekayaan menyebabkan banyak perkara lain juga harus berubah. Umar al-Khattab berusaha mewujudkan dasar-dasar negara yang sesuai dengan kehendak Islam, dan pada masa yang sama meraikan perubahan. Maka, Umar al-Khattab dilihat telah berjaya memanfaatkan syariah sebagai dasar negara. Lalu memanfaatkan metodologi usul fiqh untuk berinteraksi dengan realiti dan perubahan sosial tersebut.¹⁶ Umar al-Khattab tidak menolak segala perkara yang mendatang; sebaliknya menerimanya dan menyesuaikan dengan Islam. Inilah salah satu faktor kejayaan pada zaman itu, iaitu pemikiran Umar al-Khattab yang bersifat matang dan bijak meraikan keadaan untuk kepentingan Islam, bersifat rasional dan intelektual dalam menatijahkan sesuatu keputusan.¹⁷

Apabila dikaitkan dengan zakat, maka ia adalah ibadah kehartaan yang sentiasa berkembang. Harta atau kekayaan sentiasa menerima perubahan dari semasa ke semasa, yang sangat dipengaruhi oleh elemen masa dan tempat. Maka, dengan wujudnya kaedah fiqh yang meraikan perubahan, ia telah memberi jalan kepada zakat untuk terus beradaptasi dengan perubahan-perubahan itu. Kaedah fiqh itu berbunyi: لا ينكر تغير الأحكام بتغير الأزمان yang bermaksud: "Jangan mengingkari tentang berlaku perubahan hukum ekoran perubahan masa".¹⁸

Dari aspek metodologi, kajian ini dibuat secara kualitatif yakni dengan memberi penumpuan kepada kajian perpustakaan sepenuhnya, melibatkan rujukan kepada kitab-kitab klasik, buku, jurnal, prosiding, artikel, kertas seminar dan sebagainya sebagai rujukan. Seterusnya pengkaji membuat analisis diskriptif mengenai dapatan-dapatan kajian yang diperolehi dan membuat kesimpulan yang sesuai.

¹³ Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad Irdha bin Mokhtar Zulkefli bin Aini, Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2015, h. 6.

¹⁴ Anwar, 2014, "Undang-Undang Pentadbiran Zakat Pada Zaman Awal Islam", *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, Kuala Lumpur, Malaysia, h. 124.

¹⁵ Jamaludin Kusnadi, 2018, Kebijakan Ekonomi Khalifah Umar Bin Khattab, Munich Personal RePEc Archive, diakses pada 14 September 2018 di <http://mpira.ub.uni-muenchen.de/>, h. 1.

¹⁶ Muhammad Firdaus Nurul Huda, 2002, Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya, Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd, h. 59.

¹⁷ Muhammad Syaifudin, Analisis Pemikiran Umar bin Khattab Tentang Pengguguran Hak Mu'allaf Sebagai Mustahiq Zakat, *Jurnal Muqtasid*, Volume 3 Nomor 2, Desember 2012, h. 187.

¹⁸ Al-Zarqa', Ahmad bin Al-Shaykh Muhammad, 2001, *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam: Damshiq, h. 227.

Keseluruhan perbincangan awal di atas membayangkan bahawa terdapat ruang yang luas untuk diterokai, khususnya berkaitan dengan inovasi dalam pentadbiran zakat pada Umar al-Khattab. Penulisan ini cuba membincangkan perkara tersebut secara lebih terperinci dengan matlamat untuk menyajikan perkembangan dan inovasi pentadbiran zakat yang lebih tersusun kepada pembaca.

2. INOVASI PENTADBIRAN ZAKAT PADA ZAMAN UMAR AL-KHATTAB

‘Umar al-Khattāb menjadi perintis kepada pelbagai pembaharuan dalam pemerintahannya dan kejayaannya itu diakui para sarjana. Berdasarkan kajian kepustakaan yang dibuat, terdapat 10 perkembangan dalam inovasi pentadbiran zakat yang berjaya ditemui, iaitu:

i. Menetapkan Punca Kuasa Pentadbiran Zakat

Umar al-Khattab telah menetapkan bahawa punca kuasa asal kepada semua pentadbiran termasuk zakat adalah datangnya dari khalifah di Kota Madinah.¹⁹ Maka, semua wilayah dan gabenornya tidak mempunyai wewenang untuk memutuskan sendiri hal ehwal berkaitan pentadbiran zakat, tanpa ada polisi dan arahan jelas daripada khalifah. Umar al-Khattab malah sering menghantar mesej-mesej berbentuk arahan dari semasa ke semasa kepada para wakilnya agar mereka tidak lari daripada garis panduan yang telah ditetapkan.²⁰

Misalnya dalam penentuan perantikan amil zakat di wilayah kekuasaan Islam, maka ia ditentukan sendiri oleh Umar al-Khattab, sama ada dan mereka itu terdiri daripada gabenor ataupun bukannya dari kalangan gabenor. Jika amil itu bukan seorang gabenor, maka amil itu bertanggung jawab secara langsung untuk melaporkan pelaksanaan zakat kepada Umar al-Khattab, bukannya tertakluk di bawah kuasa gabenor.²¹ Hal ini perlu dilaksanakan agar para gabenor yang dilantik memerintah sesuatu wilayah, tidak merangka perundangan zakat secara persendirian, yang akhirnya mencelarkan sistem pentadbiran zakat dan menyulitkan umat Islam.

ii. Delegasi Kuasa Dalam Agihan Zakat

Delegasi kuasa dalam pengagihan zakat, yakni Umar al-Khattab memberikan ruang agar zakat dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan di wilayah yang begitu luas.²² Hal ini dapat diperhatikan kepada tindakan beberapa gabenor misalnya Muadz bin Jabal yang mengutip zakat dan memastikan semua rakyat miskin di Yaman mendapat haknya. Kemudian setelah tiada lagi rakyat yang memerlukan zakat, Muadz pun menitipkannya ke kawasan lain yang lebih memerlukan.²³ Artinya wujud pengagihan kuasa dalam pengagihan zakat, dengan Madinah sebagai pusat dan cawangan di pelbagai wilayah.

¹⁹ Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad Irdha bin Mokhtar Zulkefli bin Aini, *Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat*, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2015, h. 5.

²⁰ Tobias Andersson, 2013, *Governance and Economics in Early Islamic Historiography A comparative study of historical narratives of ‘Umar’s caliphate in the works of al-Baladhuri and at-Tabari*, MA Dissertation, Level E, 30 ECTS Religious Studies (121-150), Akademin For Utbildning Och Ekonomi, Avdelningen For Kultur, -relegions- och Utbildningsvetenskap, h. 46.

²¹ Abdul Aziz Azamzami, *Negara Kesejahteraan Dalam Kepemimpinan Umar bin Khattab*, Skripsi ditujukan kepada Fakultas Ushulludin dan Falsafah, Untuk memenuhi Persyaratan Memperolehi Gelar Sarjana Sosial, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008, h. 78.

²² Syed Omar Syed Agil, 1994, *Monograf: Umar al-Khattab: How Did He Manage Success?*, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 16.

²³ *Ibid*, h. 6.

Apa yang menarik, cawangan ini diberikan mandat oleh Umar al-Khattab untuk mengagih zakat sesuai dengan keperluan di tempat berkenaan, tanpa setiap sesuatu harus merujuk kepada Madinah.²⁴ Selepas mereka melakukan pengagihan, dan seandainya wujud lebih harta zakat, maka baharulah ia dikumpulkan di Madinah.²⁵ Dengan wujudnya mekanisme delegasi kuasa dalam urusan agihan zakat, maka agihan zakat dapat dilaksanakan dengan cepat dan berkesan. Ini kerana, sememangnya salah satu prinsip dalam pengagihan zakat ialah, zakat itu perlu segera diagihkan kepada asnaf. Dengan keluasan wilayah Islam, maka delegasi kuasa dalam pengagihan ini menjamin zakat dapat diagihkan dengan lebih segera kepada para mustahiqnya, sebagaimana yang pernah diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW.

iii. Mekanisme Pemantauan

Umar al-Khattab dan para pegawainya di seluruh wilayah Islam juga melaksanakan mekanisme pemantauan secara langsung kepada keadaan rakyat jelatanya.²⁶ Malah dalam keadaan tertentu, Umar al-Khattab sendiri melakukan pemantauan di beberapa wilayah kekuasaannya. Ini kerana, Umar al-Khattab sedar bahawa ada kalanya, ada sesuatu isu yang perlu disampaikan sendiri kepadanya, atau ada keadaannya, pegawainya sendiri sulit menemuinya. Maka, Umar al-Khattab telah mengunjungi Syam, Jazirah, Mesir, Kufah dan Basrah selama dua bulan bagi setiap tempat itu, untuk menemui rakyatnya.²⁷ Hal ini membolehkan mereka mendapat informasi primer secara langsung tanpa mengharapkan informasi sekunder yang disampaikan oleh pihak lain.

iv. Pemerksaan Baitul Mal

Zaman Abu Bakar as-Siddiq, memang telah disediakan rumah khas untuk penyimpanan harta, namun ia tidak begitu tersusun. Lalu Umar al-Khattab telah memperkasakannya dengan mewujudkan pusat pengumpulan harta zakat dan harta awam yang lebih tersusun dan dinamakan sebagai Baitul Mal pada tahun 15 Hijrah.²⁸ Ia lebih terorganisasi pada zaman Umar al-Khattab dan berfungsi menguruskan pengumpulan dan pengagihan harta zakat dan harta awam kepada mereka yang memerlukan.

Umar al-Khattab juga memperkasakan Baitul Mal dengan cara mewujudkan cawangan Baitul Mal di setiap wilayah Islam yang dikuasai. Umar al-Khattab juga menubuhkan Baitul Mal cawangan di depan masjid-masjid utama di wilayah kekuasaan, agar pengurusannya menjadi lebih mudah.²⁹ Sesetengah lokasi, Umar memerintahkan Baitul Mal dibina bersambung dengan masjid agar dapat melindungi Baitul Mal daripada kejadian rompakan, malah disediakan kawalan keselamatan oleh tentera.³⁰

²⁴ Syed Omar Syed Agil, 1994, Monograf: Umar al-Khatab: How Did He Manage Success?, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 14.

²⁵ Ahmad Atabik, Peranan Zakat dalam Pengentasan Kemiskinan, ZISWAF, Vol. 2, No. 2, Desember 2015, Jurnal Zakat dan Wakaf, h. 348.

²⁶ Ibid, h. 4.

²⁷ Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy & Asmak Ab Rahman, 2011, Effective Governance in the Era of Caliphate `Umar Ibn Al-Khattab (634-644), European Journal of Social Sciences – Volume 18, Number 4 (2011), h. 620.

²⁸ Syed Omar Syed Agil, 1994, Monograf: Umar al-Khatab: How Did He Manage Success?, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 5.

²⁹ Barnaby Rogerson, 2007, Para Pewaris Muhammad, (terj. Ahmad Asnawi), Yogyakarta: Diglossia Media, h. 208.

³⁰ Shamsul `Ulama `Allama Shibli Nu`mani, 1971, Omar The Great (The Second Caliph Of Islam), Lahore: Ashraf Press, h. 83.

v. Penetapan Kalendar Hijrah

Umar al-Khattab telah menetapkan kalendar hijrah. Sebenarnya ia adalah satu keperluan bagi Umar al-Khattab. Ini kerana, penetapan tarikh amat penting dengan urusan pentadbirannya. Misalnya dalam menentukan tarikh keislaman seseorang dan juga berkait rapat dengan isu pembayaran gaji para pegawai dan elaun para veteran perang dan mereka yang terlibat.³¹ Namun perkara yang tidak boleh dinafikan juga ialah, penetapan tarikh amat penting dalam ibadah zakat, kerana ia melibatkan status haul dalam pemilikan sesuatu harta. Maka, dengan adanya penetapan tahun hijrah, seseorang itu boleh mengetahui tarikh permulaan pemilikan sesuatu harta atau tarikh sesuatu perniagaan dijalankan, sehinggalah harta itu mencapai tempoh matang (genap setahun). Seterusnya ia memudahkan urusan pengeluaran zakat ke atas pihak berkenaan atau memudahkan pihak pemerintah menghantar amil zakat untuk mengira zakat mereka.

vi. Penubuhan Jabatan Kewangan atau Perbendaharaan Negara

Umar al-Khattab telah menubuhkan satu Jabatan Kewangan yang dinamakan *Diwan* yang bertanggung jawab dalam urusan perbelanjaan awam negara, dan hal ini tidak pernah dilakukan pada zaman Nabi Muhammad SAW dan Abu Baka as-Siddiq.³² Antara lain, tanggung jawab *Diwan* adalah untuk memastikan pengagihan kekayaan negara dapat dilakukan dengan lebih adil dan saksama.

vii. Melantik Pegawai Zakat Secara Tetap Dan Bergaji

Umar al-Khattab telah melantik para amil secara lantikan tetap dengan cara sebahagian daripada mereka merupakan ketua polis (*sahib al-ahdath*) di wilayah berkenaan atau merupakan gabenor (*wali*) di wilayah tersebut. Sebagai contoh, Ammar bin Yasir merupakan gabenor di Kufah dan beliau juga amil zakat, manakala Qadamah bin Maz'un merupakan pengutip hasil dan zakat (*Sahib al-Kharaj*) di Bahrain dan beliau ketua polis di sana.³³ Untuk kesinambungan tugas amil, para gabenor atau ketua polis yang sekaligus menjadi ketua amil ini, akan melantik para pegawai tetap bergaji di bawah mereka dan dihantar ke seluruh daerah untuk menguruskan kutipan zakat secara lebih menyeluruh.³⁴

Perlantikan pegawai kerajaan menjadi amil zakat dan bergaji tetap, dapat meningkatkan profesionalisme pengurusan zakat. Hal ini tidak pernah berlaku pada zaman sebelumnya. Dengan itu, maka pengarahan dapat diberikan dengan jelas, dan para pegawai juga terikat dengan tugas hakiki mereka. Pegawai yang khusus juga dapat dipertanggungjawabkan dengan lebih baik atas hasil kerja mereka.

viii. Melakukan Inovasi Berterusan

Hal ini dapat dilihat kepada tindakan Umar al-Khattab untuk menerima inovasi dari negara-negara luar yang telah Berjaya dibuka oleh Islam. Misalnya, Umar al-Khattab meniru system kewangan dari Syiria (wilayah asal Rom) dalam sistem kewangan, iaitu dengan menubuhkan *Diwan* (Jabatan Kewangan), agar dapat memantau pengurusan keluar masuk wang daripada perbendaharaan negara, sekaligus menjadi wadah bagi memantau keadaan

³¹ Barnaby Rogerson, 2007, Para Pewaris Muhammad, (terj. Ahmad Asnawi), Yogyakarta: Diglossia Media, 213.

³² ³² Syed Omar Syed Agil, 1994, Monograf: Umar al-Khattab: How Did He Manage Success?, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 13.

³³ Shamsul 'Ulama 'Allama Shibli Nu'mani, 1971, Omar The Great (The Second Caliph Of Islam), Lahore: Ashraf Press, h. 27.

³⁴ Ibid, h. 27.

rakyatnya dan status sosial mereka, demi memudahkan urusan pengagihan elaun negara,³⁵ juga mencontohi kaedah pentadbiran daerah seperti mana yang diamalkan oleh Parsi.³⁶

ix. Perundangan Zakat Dan Penguatkuasaan

Mohammad Akkhtar Saeed Siddiqi menyatakan bahawa, tempoh 10 tahun pemerintahan Umar al-Khattab ditandai dengan banyaknya ijtihad baginda dalam membentuk hukum-hakam dan perundangan baru zakat.³⁷ Misalnya, undang-undang zakat ke atas kuda yang diperdagangkan dan juga zakat³⁸ ke atas hasil madu.³⁹ Bukan sekadar mewujudkan perundangan dan hukum-hakam baharu mengenai zakat, malah Umar al-Khattab juga menguatkuasakannya. Misalnya, Umar al-Khattab telah meletakkan pegawai di pintu-pintu masuk ke negara Islam dan mengenakan zakat ‘usyur kepada peniaga muslim dan cukai ‘usyur kepada non muslim.⁴⁰ Hal ini belum pernah dilakukan oleh mana-mana pemerintah sebelum itu. Ia dapat memastikan hasil negara, khususnya zakat perniagaan bagi para pedagang yang mencipta kekayaan di dalam negara Islam tidak akan terlepas.

x. Pengkhususan Tugas

Umar al-Khattab sedar bahawa hasil mahsul yang masuk ke dalam perbendaharaan negara ketika itu sangat banyak dan daripada pelbagai sumber. Maka, dengan itu beliau telah melakukan pengkhususan dalam pembahagian tugas para pegawai. Misalnya, Jabatan Cukai telah dibahagikan kepada empat bahagian, iaitu kharaj, jizyah, zakat dan ‘usyur, kerana semua jenis kutipan ini menyumbang kepada kewangan Negara Islam yang tersebar luas ketika itu.⁴¹ Dengan wujudnya pengkhususan tugas seperti ini, maka ia memberikan fokus kepada para penjawat awam dalam melaksanakan tugas mereka dan mengelakkan pertindanan bidang tugas dan kuasa.

3. FAKTOR PEMIKIRAN UMAR AL-KHATTAB YANG MEMPENGARUHI

Secara prinsipnya, seseorang pemerintah Islam harus mempunyai kemampuan dari aspek ilmu pengetahuan dan harus juga mampu secara konsisten melihat kepada keperluan dalam organisasinya dan melakukan penambahbaikan yang sewajarnya.⁴² Merujuk kepada Umar al-

³⁵ ³⁵ Syed Omar Syed Agil, 1994, Monograf: Umar al-Khatib: How Did He Manage Success?, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND), h. 14.

³⁶ Slamet Wiyanto, 2018, Corak Berhukum Progresif (Studi Pola Kepimpinan Umar bin Khattab Relevansinya Dengan Hukum Indonesia), Skripsi untuk memenuhi tugas-tugas dan memenuhi syarat-syarat guna mendapatkan gelar sarjana hukum dalam Ilmu Syariah, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung Indonesia, h. 64.

³⁷ Mohammad Akkhtar Saeed Siddiqi, Early Development of Zakat Law and Ijtihad Karachi: Islamic Research Academy, 1983, 224p. J. Res. Islamic Econ., Vol. 2, No. 1, pp. 69-73 (1404/1984), h. 71.

³⁸ Isra Fatimah Wati, Pokok-Pokok Pengembangan Ekonomi Pada Masa Umar Ibn Al-Khattab, Tesis Untuk Program S1 Jurusan Ekonomi Islam Fakultas Syari'ah Dan Ilmu Hukum Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau 2011, h. 43.

³⁹ Ahmad Munif, Zakat Madu Pada Masa Khalifah Umar Ibn Khattab RA, Jurnal Bimas Islam Vol.7. No.III 2014, h. 461-462.

⁴⁰ Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad Irdha bin Mokhtar Zulkefli bin Aini, Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2015, h. 6.

⁴¹ Dusuki Haji Ahmad, Haji, 1982, Ikhtisar Perkembangan Islam, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 155.

⁴² Mohamad Johdi Salleh, Dr and Nazifah Alwani Mohamad, Islamic Principles of Administration: Implications on Practices in Organization, Technology, Science, Sosial Sciences and Humanities International Conference – TeSSHI 2012, Organizer: Universiti Teknologi MARA Kedah at One Helang Hotel, Langkawi, 14 & 15 November 2012, h. 9.

Khattab, beliau bukan sekadar seorang tokoh yang berilmu pengetahuan luas, malah beliau juga seorang pemikir yang sangat hebat. Para ulama mutakhir ada yang menyatakan, Umar al-Khattab telah mengaplikasi corak pemikirannya yang tersendiri dalam melatari ijtihadnya⁴³ dan seterusnya mempengaruhi corak pentabirannya.

Pemikiran adalah sesuatu yang bersifat dalaman, dan Umar al-Khattab dilihat mempunyai kelebihan ini. Malah pemikiran Umar al-Khattab yang sentiasa kritis dan terkehadapan itu, telah memberikan pengaruh yang cukup besar kepada perkembangan pelaksanaan zakat pada zamannya. Hal ini misalnya, boleh dilihat kepada corak Umar al-Khattab berfikir dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan baharu mengenai zakat, yang tidak pernah wujud sebelumnya. Malah, adakalanya jalan penyelesaian ataupun solusi yang diberikan oleh Umar al-Khattab, kelihatannya bercanggah sama sekali dengan dalil yang telah dinaskan oleh Nabi Muhammad SAW.⁴⁴

Antaranya ialah, keputusan Umar terhadap melaksanakan zakat ke atas kuda yang terang-terangan amat bercanggah dengan dalil al-hadis. Namun, Umar al-Khattab mempunyai pandangan yang berbeza. Baginda melihat wujudnya *illah* atau alasan tertentu agar kuda dikenakan zakat, iaitu apabila kuda-kuda itu dijadikan komoditi dalam perniagaan. Sedangkan, kuda-kuda yang dikecualikan daripada zakat pada zaman Nabi Muhammad SAW ialah, kuda-kuda yang dijadikan sebagai tunggangan peribadi atau untuk tujuan mengangkut barang-barang sendiri.⁴⁵

Demikian juga apabila Umar al-Khattab mengambil sikap menghentikan pemberian zakat kepada golongan muallaf (yang belum memeluk Islam),⁴⁶ ia juga sama sekali bertentangan dengan amalan yang dibuat oleh Nabi Muhammad SAW. Namun Umar al-Khattab mempunyai pandangan yang berbeza, iaitu Islam pada saat pemerintahannya sudah menjadi agama yang kuat dan berwibawa. Maka, *illah* atau alasan memberikan zakat kepada golongan muallaf seperti mana pada zaman Nabi Muhammad SAW sudah tidak sesuai. Ini kerana pada masa dahulu, memang Islam masih lemah, dan memerlukan sokongan non muslim. Kini, non muslim yang sebaliknya berlumba-lumba mendatangi negara Islam untuk mendapatkan perlindungan.⁴⁷

Maka, pengkajian selanjutnya ini berusaha melihat kekuatan pemikiran Umar al-Khattab dan sejauh manakah ia berperanan dalam mempengaruhi perkembangan pelaksanaan pentadbiran zakat pada zaman pemerintahannya.

i. Pemikiran yang Fokus

Umar al-Khattab adalah seorang yang sangat fokus dalam pemikiran dan tindakannya. Umar al-Khattab pernah berkata, “Bangsa Arab adalah seumpama unta yang ditarik hidungnya, dia suka dibawa ke mana-mana. Maka, hendaklah orang yang akan membawanya itu mengetahui

⁴³ Muhammad Syaifudin, Analisis Pemikiran Umar bin Khattab Tentang Pengguguran Hak Mu'allaf Sebagai Mustahiq Zakat, Jurnal Muqtasid, Volume 3 Nomor 2, Desember 2012, h. 177.

⁴⁴

⁴⁵ H.M. Arsyad Almakki: Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab, Jurnal Ilmiah Al QALAM, Vol. 11, No. 24, Juli-Desember 2017, h. 130.

⁴⁶ ‘Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh, 2015, Tafsir Ibnu Katsir Jilid 4, (terj. M. Abdul Ghoffar E.M), Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’i, h. 196-197.

⁴⁷ H.M. Arsyad Almakki: Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab, Jurnal Ilmiah Al QALAM, Vol. 11, No. 24, Juli-Desember 2017, h. 132-133.

dengan benar (tepat), ke mana (mereka) akan dibawa olehnya.”⁴⁸ Dengan jalur pemikiran yang terfokus itulah, Umar al-Khattab dapat memandu seluruh bangsa Arab dan seterusnya seluruh wilayah kekuasaan Islam untuk meraih ketinggian tamadun yang dibanggakan oleh semua pihak, termasuklah dalam memajukan perkembangan pelaksanaan ibadah zakat.

ii. Pemikiran yang Analitikal

Umar al-Khattab juga seorang yang sangat analitikal pemikirannya. Hal ini dapat dilihat dalam beberapa tindakannya, sama ada ketika Nabi Muhammad SAW masih lagi hidup ataupun setelah dirinya sendiri menjadi khalifah. Misalnya, Umar al-Khattab tidak menyetujui dengan syarat-syarat yang dikenakan oleh penduduk kafir Mekah di dalam Perjanjian Hudaibiah, kerana pada analisisnya, ia merugikan Islam dan menguntungkan kaum kafir. Namun begitu, Umar al-Khattab tidak mampu menolaknya dan hanya mampu mendinginkan diri setelah Nabi Muhammad SAW membacakan firman Allah SWT: “Sesungguhnya Kami telah membuka bagi perjuangan kamu (wahai Muhammad) satu jalan kemenangan yang jelas dan nyata,” (al-Fath: 1).⁴⁹ Pemikiran analitikal amat perlu bagi seorang perancang seperti Umar al-Khattab, agar beliau boleh menyediakan pelan tindakan jangka masa panjang yang sesuai dengan keperluan perkembangan zakat.

iii. Pemikiran yang Kritis

Umar al-Khattab juga seorang yang berfikiran kritis, yakni tidak mudah untuk bersetuju dengan pendapat pihak lain. Umar al-Khattab pernah menolak pendapat Abu Bakar as-Siddiq agar tawanan Badar dibebaskan dengan syarat mereka mesti membayar tebusan. Umar al-Khattab berkata, “Demi Allah saya tidak bersetuju dengan pandangan Abu Bakar, sebaliknya saya berpendapat, serahkan si polan (keluarga terdekat dengan Umar) kepada saya, agar saya pancung lehernya, serahkan ‘Uqayl bin Abi Talib kepada Ali, biar dia pancung lehernya.”⁵⁰

Pemikiran yang kritis seperti ini menyebabkan Umar al-Khattab mengubah dasar dalam pengagihan zakat, seperti menamatkan pemberian zakat kepada asnaf muallaf atas dasar Islam telah menjadi kuat dan berpengaruh.⁵¹

iv. Pemikiran Inovatif atau Berijtihad

Pada zaman Umar al-Khattab, banyak persoalan baharu muncul dan ia perlu diselesaikan dengan pemikiran ataupun ijtihad.⁵² Umar al-Khattab dikenali sebagai khalifah yang paling berani melakukan pelbagai ijtihad, dengan sering mengatas-namakan *maslahah amah* sebagai *illah*.⁵³ Umar al-Khattab malah menggunakan kekuatan akal fikirannya untuk mencari solusi bagi sesuatu permasalahan baharu seandainya ia tidak pernah berlaku sebelumnya, dan tidak ditemui jawapannya daripada al-Quran dan al-hadis secara tepat.⁵⁴ Hingga akhirnya lahirlah kaedah fiqh yang sangat masyhur, iaitu ‘Kebijakan seorang pemimpin terhadap rakyatnya

⁴⁸ Hamka, 2016, Sejarah Umat Islam, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 215.

⁴⁹ Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri (2011), al-Rahiq al-Makhtum (Sirah Nabawiyah SAW), (Terj. Muhammad Ramzi Omar), Yayasan Dakwah Malaysia (YADIM): Kuala Lumpur, h. 512.

⁵⁰ Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri (2011), al-Rahiq al-Makhtum (Sirah Nabawiyah SAW), (Terj. Muhammad Ramzi Omar), Yayasan Dakwah Malaysia (YADIM): Kuala Lumpur, h. 329-330.

⁵¹ ‘Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh, 2015, Tafsir Ibnu Katsir Jilid 4, (terj. M. Abdul Ghoffar E.M), Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’i, h. 196-197.

⁵² Abrari Syauqi et. al, 2016, Sejarah Peradaban Islam, Yogyakarta: Aswaja Pressindo, h. 12.

⁵³ Ali Ridlo, Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab, Jurnal al-‘Adl, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 5.

⁵⁴ Zahratul Idami, Ijtihad dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Ketatanegaraan dalam Sejarah Islam, Kanun Jurnal Ilmu Hukum, No. 55, Th. XIII (Desember, 2011), h. 100.

bergantung kepada *masalah* mereka.”⁵⁵ Banyak kebijakan atau polisi Umar al-Khattab termasuk dalam pengurusan zakat yang telah diterapkan seiring dengan inovasi ijtihadnya, khususnya berkaitan harta-harta baharu yang wajib zakat atau dikecualikan daripada zakat.

v. Pemikiran Usahawan

Umar al-Khattab juga mempunyai minda seorang usahawan. Antaranya, baginda pernah berkata, “Perusahaan (perniagaan) yang kelihatannya kecil dan rendah, lebih mulia daripada meminta-minta!”⁵⁶ Lantaran itu, Umar al-Khattab telah melaksanakan revolusi mental dengan menggalakkan rakyatnya berusaha, menjadi petani atau penternak yang sukses dan melaksanakan pelbagai jenis perusahaan, termasuk perdagangan antara wilayah. Misalnya Umar al-Khattab pernah memberikan ternakan sebagai modal kepada asnaf zakat,⁵⁷ agar mereka mampu menjana ekonomi dan menjadi usahawan. Perkara ini memberi kesan yang baik kepada perkembangan zakat, khususnya dalam aspek kekayaan baharu yang kemudiannya diperintahkan oleh Umar al-Khattab agar dikeluarkan zakat daripadanya.

vi. Pemikiran Futuristik

Demi memajukan negaranya, Umar al-Khattab telah menghapuskan pemberian tanah rampasan perang di wilayah-wilayah baharu secara terus kepada tentera Islam (sesuatu yang diamalkan oleh Nabi Muhammad SAW dan Abu Bakar as-Siddiq), sebaliknya beliau mengekalkan tanah di bawah penguasaan pemiliknya yang asal. Mereka diizinkan membangunkan projek pertanian di situ dan Umar al-Khattab mengenakan cukai kharaj ke atas hasil pertanian berkenaan. Tindakan Umar al-Khattab ini ditentang oleh sebahagian sahabat, namun tetap diteruskan. Ini kerana, Umar al-Khattab melihat dengan memilik negarakan tanah berkenaan, maka ia dapat dijana sebagai tanah pertanian dan mendatangkan hasil sama ada dalam bentuk kharaj mahu pun zakat pertanian.⁵⁸ Umar al-Khattab juga membina terusan-terusan bagi mengairi kawasan pertanian.

Umar al-Khattab ini antara lain untuk memastikan sumber kekayaan negara dan rakyat pada masa hadapan terjamin, dan mengelakkan penimbunan dan penumpukan kekayaan hanya kepada kelompok tertentu. Oleh itu Umar al-Khattab mengamalkan dasar ekonomi yang adil dan merata (sama rata) kepada rakyatnya.⁵⁹ Hal ini dapat mengayakan negara dan rakyat secara umum. Ia akan menatijahkan kepada peningkatan hasil zakat negara.

vii. Pemikiran Proaktif

Pemikiran Umar al-Khattab sentiasa bersifat proaktif dalam memikirkan sesuatu perkara dengan meletakkan masalah umum sebagai keutamannya. Akhirnya melayakkan Umar al-Khattab untuk dianggap sebagai bapa mujtahid,⁶⁰ khususnya dalam bidang ilmu *al-ra'yi* atau pemikiran Islam. Umar al-Khattab menguasai dalil hukum, sama ada dalil al-Quran mahu pun

⁵⁵ Ibid, h. 117-118.

⁵⁶ Hamka, 2016, Sejarah Umat Islam, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 215.

⁵⁷ Abu Ubaid al-Qasim, 2009, Ensiklopedia Keuangan Publik, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press, h. 680.

⁵⁸ Ahmed A.F. El-Ashker and Rodney Wilson, 2006, Islamic Economics A Short History, Leiden • Boston: Brill, h. 59

⁵⁹ Dwi Hidayatul Firdaus, Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab Prespektif Bisnis Syariah, Jurnal At-Taahdzib Vol.1 Nomor 2 Tahun 2013, h. 266-267.

⁶⁰ Fahmi Jawwas, Posisi Nas Dalam Ijtihad Umar Ibn Khattab, Hunafa: Jurnal Studia Islamika, Vol. 10, No. 2, Disember 2103, 359-379, h. 359.

al-hadis, namun dalam implementasinya beliau lebih mengutamakan kontekstual berbanding dengan tekstualnya.⁶¹

Malah dalam konteks yang lebih luas, pemikiran Umar al-Khattab yang tidak beku dan kaku, telah memberikan kesempatan kepada para gabenor dan amil-amil di bawahnya untuk lebih kreatif mengendalikan pengurusan zakat, termasuklah melakukan ijtihad. Misalnya, Umar al-Khattab ketika mengirimkan gabenor ke wilayah yang baharu dibuka, telah berpesan kepada mereka agar mereka menggunakan al-Quran dan as-Sunnah untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Namun jika mereka tidak berjaya menemuinya di dalam al-Quran dan as-Sunnah, maka mereka hendaklah berusaha mencari jawapannya dengan cara berijtihad.⁶² Ketika itu, ijtihad sudah pun menjadi satu kaedah yang meluas bagi para sahabat untuk memecahkan berbagai persoalan yang baharu muncul di tengah-tengah masyarakat.⁶³

viii. Pemikiran Yang Berhati-hati

Kendatipun Umar al-Khattab seorang pemikir dan mujtahid yang hebat, namun baginda tidak menyukai orang-orang yang bangga dengan pendapatnya sendiri. Baginda berkata, “Bahawasanya perkara yang paling aku takuti ialah, jika seseorang itu merasa bangga dengan pendapatnya sendiri. Maka sesiapa yang mengakui dirinya pandai, itu tandanya dia seorang yang bodoh; sesiapa yang mengakui dirinya akan masuk ke dalam syurga, itu tandanya dia ahli neraka.”⁶⁴

Maka, Umar al-Khattab adakalanya memikir ulang akan keputusan-keputusannya, membuat penambahbaikan demi masalah ramai. Ia memberikan kebaikan kepada perkembangan zakat, kerana sememangnya merevisi sesuatu keputusan itu setelah dilaksanakan, dan melakukan penambahbaikan adalah satu wasilah terbaik memperkasakan sesuatu urusan. Beliau pernah bercita-cita untuk mengkaji kembali polisi pemberian elaun kepada rakyatnya, kerana bimbang ia mendatangkan kesan negatif kepada mereka. Hakim bin Hizam pernah mengingatkan Umar al-Khattab, pemberian sebegitu boleh memalakan rakyatnya.⁶⁵

ix. Pemikiran yang strategis

Umar al-Khattab mempunyai pandangan dan pemikiran yang strategis dalam mencorakkan pemerintahannya. Beliau meletakkan sasaran atau objektif, merencanakan tindakan, menilai semula keputusan-keputusan dan membuat penambahbaikan. Ia dibuktikan dalam perbualannya dengan Mughirah bin Syu'bah dalam membuat perbandingan, pemimpin yang bagaimanakah perlu diutamakan. Adakah seorang yang soleh tetapi lemah perlu dipilih berbanding seorang yang lebih berpengalaman dan berstrategi perlu diutamakan. Umar al-Khattab bersetuju untuk memilih pemimpin yang kuat dan berstrategi sebagai wakilnya,⁶⁶

⁶¹ Fahmi Assulthoni, *Progresivitas Pemikiran Hukum Umar Ibn Khattab*, Ulumuna Vol 1 No 1, Juni 2015, h. 98-99.

⁶² Tasnim Rahman Fitra (2016), “Ijtihad ‘Umar ibn al-Khaṭṭāb dalam Perspektif Hukum Progresif”, *Jurnal Al-Ahkam*, Volume 26, Nomor 1, (April 2016), h. 54.

⁶³ Zahratul Idami, *Ijtihad dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Ketatanegaraan dalam Sejarah Islam*, Kanun Jurnal Ilmu Hukum, No. 55, Th. XIII (Desember, 2011), h. 101.

⁶⁴ Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad, h. 215.

⁶⁵ Dwi Hidayatul Firdaus, *Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab Prespektif Bisnis Syariah*, At-Taḥdzib Vol.1 Nomor 2 Tahun 2013, h. 270.

⁶⁶ Tobias Andersson, 2013, *Governance and Economics in Early Islamic Historiography A comparative study of historical narratives of ‘Umar’s caliphate in the works of al-Baladhuri and at-Tabari*, MA Dissertation, Level E,

kerana ia mampu memegang teraju kepimpinan dengan penuh strategi dan berinovasi. Pemikiran yang strategis ini juga diterapkan dalam pemilihan amil atau gabenor bagi mewakilinya di pelbagai wilayah Islam. Misalnya Umar al-Khattab melantik Abu Musa al-Asy'ari seorang sahabat yang sangat pintar dan cerdas untuk menjadi gabenor sekaligus amil di Basrah.

4. KESIMPULAN

Terdapat banyak inovasi dalam pelaksanaan pentadbiran zakat yang dilakukan oleh Umar al-Khattab pada era pemerintahannya. Di samping itu, faktor pemikiran Umar al-Khattab juga telah menjadi pencetus utama kepada pelbagai inovasi dalam pentadbiran zakat berkenaan. Ini menjadi bukti, bahawa zaman pemerintahan Umar al-Khattab adalah satu era yang sangat penting untuk terus dikaji, khususnya dalam pembangunan pelaksanaan ibadah zakat secara keseluruhannya.

Walau bagaimanapun, kajian ini hanyalah bersifat kajian awalan. Bagi melihat seluruh perkembangan dalam pengurusan zakat pada zaman Umar al-Khattab, maka kajian lanjutan perlulah dilakukan. Penulis sangat yakin, masih banyak inovasi atau pembaharuan dalam pengurusan zakat pada zaman Umar al-Khattab boleh dikenal pasti, seterusnya mampu dijadikan sandaran dan model kepada pelaksanaan zakat pada zaman ini.

Sesungguhnya pelbagai perkembangan dalam pentadbiran zakat yang berlaku pada zaman Umar al-Khattab sebenarnya membuktikan bahawa, zakat merupakan satu ibadah yang boleh berkembang dan mampu beradaptasi dengan keperluan zaman dan keadaan. Maka, ia menjadi asas penting agar perubahan zaman pada tahun-tahun yang mendatang, perlu diambil kira dalam pelaksanaan pentadbiran zakat di dalamnya.

5. RUJUKAN

- ‘Abdullah bin Muhammad Alu Syaikh, 2015, Tafsir Ibnu Katsir Jilid 4, (terj. M. Abdul Ghoffar E.M), Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi’i.
- Abdul Aziz Azamzami, Negara Kesejahteraan Dalam Kepemimpinan Umar bin Khattab, Skripsi ditujukan kepada Fakultas Ushulludin dan Falsafah, Untuk memenuhi Persyaratan Memperolehi Gelar Sarjana Sosial, Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta, 2008.
- Abrari Syauqi et. al, 2016, Sejarah Peradaban Islam, Yogyakarta: Aswaja Pressindo, h. 12.
- Abu Ubaid al-Qasim, 2009, Ensiklopedia Keuangan Publik, (terj. Setiawan Budi Utomo), Jakarta: Gema Insani Press.
- Ahmad Atabik, Peranan Zakat dalam Pengentasan Kemiskinan, ZISWAF, Vol. 2, No. 2, Desember 2015, Jurnal Zakat dan Wakaf.
- Ahmad Munif, Zakat Madu Pada Masa Khalifah Umar Ibn Khattab RA, Jurnal Bimas Islam Vol.7. No.III 2014.
- Ahmed A.F. El-Ashker and Rodney Wilson, 2006, Islamic Economics A Short History, Leiden • Boston: Brill.
- Ali Ridlo, Kebijakan Ekonomi Umar Ibn Khattab, Jurnal al-‘Adl, Vol. 6 No. 2 Juli 2013, h. 5.
- Al-Zarqa’, Ahmad bin Al-Shaykh Muhammad, 2001, Sharh al-Qawa’id al-Fiqhiyyah, Dar al-Qalam: Damshiq.

- Anwar, 2014, “Undang-Undang Pentadbiran Zakat Pada Zaman Awal Islam”, *Proceeding of the International Conference on Masjid, Zakat and Waqf (IMAF 2014)*, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Arifatul Husna, 2008 “Kepemimpinan Khalifah Umar al-Khattab Bin Khattab (13 – 23 H/ 634 – 643 M) dan Umar al-Khattab bin Abdul Aziz (99 – 101 H/ 717 – 720 M) (Studi Komparasi)”, Skripsi yang diajukan kepada Fakultas Adab, Universitas Islam Negeri Sunan Kalijaga Yogyakarta.
- Barnaby Rogerson, 2007, *Para Pewaris Muhammad*, (terj. Ahmad Asnawi), Yogyakarta: Diglossa Media.
- Dusuki Haji Ahmad, Haji, 1982, *Ikhtisar Perkembangan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dwi Hidayatul Firdaus, *Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab Prespektif Bisnis Syariah*, *Jurnal At-Taahdzib* Vol.1 Nomor 2 Tahun 2013.
- Fahmi Assulthoni, *Progresivitas Pemikiran Hukum Umar Ibn Khattab*, *Ulumuna* Vol 1 No 1, Juni 2015.
- Fahmi Jawwas, *Posisi Nas Dalam Ijtihad Umar Ibn Khattab*, *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, Vol. 10, No. 2, Desember 2103, 359-379.
- Faisal, 2011, *Sejarah Pengelolaan Zakat di Dunia Muslim dan Indonesia (Pendekatan Teori Investigasi-Sejarah Charles Peirce dan Defisit Kebenaran Lieven Boeve)*, *Analisis*, Volume XI, Nombor 2, (Desember 2011).
- Gerhadrd Endress, 1994, *Islam: An Historical Introduce*, (trans. Carole Hillerbrand), Ediburg: Edinburg University Press.
- H.M. Arsyad Almakki: *Kebijakan Ekonomi Umar Bin Khattab*, *Jurnal Ilmiah Al QALAM*, Vol. 11, No. 24, Juli-Desember 2017.
- Hailani Muji Tahir, *Institusi Baitulmal dalam Pembangunan Negara*, Penerbit UKM, 2007.
- Hamidatul Adawiah binti Hassan, 2003, *Analisis Perkembangan Politik Islam Di Zaman Khalifah Umar al-Khattab*, *Jabatan Siasah Syariah, Bahagian Pengajian Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya*, h. 47 (Kertas projek dikemukakan untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah sarjana muda syariah), h. 71
- Hamka, 2016, *Sejarah Umat Islam*, Selangor: PTS Publishing House Sendirian Berhad.
- Isra Fatimah Wati, *Pokok-Pokok Pengembangan Ekonomi Pada Masa Umar Ibn Al-Khattab*, *Tesis Untuk Program S1 Jurusan Ekonomi Islam Fakultas Syari’ah Dan Ilmu Hukum Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau* 2011, h. 43.
- Jamaludin Kusnadi, 2018, *Kebijakan Ekonomi Khalifah Umar Bin Khattab*, *Munich Personal RePEc Archive*, diakses pada 14 September 2018 di <http://mpra.ub.uni-muenchen.de/>.
- Mohamad Johdi Salleh, Dr and Nazifah Alwani Mohamad, *Islamic Principles of Administration: Implications on Practices in Organization, Technology, Science, Sosial Sciences and Humanities International Conference – TeSSHI 2012*, Organizer: Universiti Teknologi MARA Kedah at One Helang Hotel, Langkawi, 14 & 15 November 2012.
- Mohammad Akkhtar Saeed Siddiqi, *Early Development of Zakat Law and Ijtihad Karachi: Islamic Research Academy*, 1983, 224p. *J. Res. Islamic Econ.*, Vol. 2, No. 1, pp. 69-73 (1404/1984).
- Muhammad Firdaus Nurul Huda, 2002, *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya*, Selangor: Thinkers Library Sdn. Bhd.
- Muhammad Syaifudin, *Analisis Pemikiran Umar bin Khattab Tentang Pengguguran Hak Mu’allaq Sebagai Mustahiq Zakat*, *Jurnal Muqtasid*, Volume 3 Nomor 2, Desember 2012.

- Safiyyu al-Rahman al-Mubarakfuri (2011), al-Rahiq al-Makhtum (Sirah Nabawiyah SAW), (Terj. Muhammad Ramzi Omar), Yayasan Dakwah Malaysia (YADIM): Kuala Lumpur.
- Shamsul 'Ulama 'Allama Shibli Nu'mani, 1971, Omar The Great (The Second Caliph Of Islam), Lahore: Ashraf Press.
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy & Asmak Ab Rahman, 2011, Effective Governance in the Era of Caliphate `Umar Ibn Al-Khattab (634-644), *European Journal of Social Sciences* – Volume 18, Number 4 (2011).
- Sharifah Hayaati Syed Ismail al-Qudsy, Asmak Ab. Rahman dan Mohd Izani Mohd Zain, 2008, Efektif Governan Dan Pelaksanaannya Dalam Pentadbiran Islam, *Jurnal Syariah*, Jil. 16, Keluaran Khas (2008) 465-496.
- Slamet Wiyanto, 2018, Corak Berhukum Progresif (Studi Pola Kepimpinan Umar bin Khattab Relevansinya Dengan Hukum Indonesia), Skripsi untuk memenuhi tugas-tugas dan memenuhi syarat-syarat guna mendapatkan gelar sarjana hukum dalam Ilmu Syariah, Universitas Islam Negeri Raden Intan Lampung Indonesia.
- Syed Omar Syed Agil, 1994, Monograf: Umar al-Khatab: How Did He Manage Success?, Kuala Lumpur: Institut Perkembangan Minda (INMIND).
- Tasnim Rahman Fitra (2016), "Ijtihad 'Umar ibn al-Khattāb dalam Perspektif Hukum Progresif", *Jurnal Al-Ahkam*, Volume 26, Nomor 1, (April 2016).
- Tobias Andersson, 2013, Governance and Economics in Early Islamic Historiography A comparative study of historical narratives of 'Umar's caliphate in the works of al-Baladhuri and at-Tabari, MA Dissertation, Level E, 30 ECTS Religious Studies (121-150), Akademin For Utbildning Och Ekonomi, Avdelningen For Kultur,- relegions- och Utbildningsvetenskap.
- Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad Irdha bin Mokhtar Zulkefli bin Aini, Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2015.
- Wan Sofiah binti Wan Ahmad Ahmad Irdha bin Mokhtar Zulkefli bin Aini, Pengurusan Khalifah Umar bin Al-Khattab Dalam Sistem Zakat, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor. Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan 2015.
- Zahratul Idami, Ijtihad dan Pengaruhnya terhadap Perkembangan Ketatanegaraan dalam Sejarah Islam, *Kanun Jurnal Ilmu Hukum*, No. 55, Th. XIII (Desember, 2011).
- Zaini Nasohah, et al, 2012, "Pelaksanaan Kuasa Pemerintah dalam Kutipan Zakat di Zaman Kegemilangan Beberapa Pemerintahan Islam", *Proceeding: International Conference on Islamic Leadership*.